

17 MAR 1998

GATES JUMPA DR MAHATHIR, MENTERI KABINET (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Pengerusi dan ketua eksekutif Microsoft Bill Gates mengadakan pertemuan dengan jemaah menteri Malaysia di Jabatan Perdana Menteri di sini pagi ini.

Orang terkaya di dunia mengikut senarai Forbes bagi 1996 and 1997 hasil empayar perisian komputernya itu dijangka memberi penerangan kepada kabinet mengenai ide-ide terbaharunya tentang teknologi maklumat.

Gates, 42, anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) berada di sini untuk berucap pada Persidangan Masyarakat Berjaringan Microsoft: Teknologi untuk Kerajaan, Perniagaan, Pendidikan dan Pelbagai Masyarakat, yang dihadiri kira-kira 3000 orang, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Beliau dijadualkan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi IAP dan penggerak utama MSC.

Beliau juga dijadualkan menghadiri majlis perasmian Kelab Perancang (komputer) Muda Malaysia (MYPC) tengah hari ini.

MSC merupakan kawasan seluas 15 kali 50 km di selatan Kuala Lumpur yang diperuntukkan sebagai nadi pembangunan produk dan perkhidmatan bercorak multimedia --BERNAMA

RAZ